

UMP bangun bas pintar tanpa pemandu

Sinar Harian (Negeri) 10/1/22 m/s 31

KUANTAN - Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) sedang membangunkan sebuah bas pintar, *Smart Campus Autonomous Vehicle (SCAV)* yang bergerak tanpa pemandu (swapandu) untuk kegunaan dalam kawasan kampusnya.

SCAV yang dilengkapi pelbagai sensor dan komputer berteknologi pintar itu merupakan bas swapandu pertama dihasilkan di negara ini.

Ia digerakkan melalui kawalan sistem komputer yang dilengkapi info trafik dalam kawasan kampus.

Ketua Program Kejuruteraan Mekatronik, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik, Ts Dr Muhammad Azzat Zakaria berkata, bas yang dibangunkan dengan kepakaran penyelidik dalaman UMP itu dalam proses pembangunan peringkat akhir.

Menurut beliau, pembangunan kini mencapai 80

peratus dan ia dijangka siap sepenuhnya tahun ini.

“Fokus kini ditumpukan kepada algoritma ber-spesifikasi tinggi dan teknologi di dalam bas itu sendiri.

“Apabila siap kelak, kenderaan itu dapat beroperasi sepenuhnya sebagai kemudahan pengangkutan kepada warga kampus,” katanya pada Ahad.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman berpuas hati dengan gerak kerja pembinaan bas swapandu yang turut melibatkan pelajar pascasiswazah universiti itu.

“Hasil kerjasama dan kemampuan kepakaran serta kepercayaan pihak pengurusan memberikan keyakinan untuk membuktikan kemampuan penyelidik UMP membangunkan bas swapandu tahap empat dalam kawasan terhad (dalam kampus),” katanya.



Abdul Aziz (lima dari kiri) serta kumpulan penyelidik UMP menunjukkan bas pintar SCAV yang dibangunkan.